

SEBARKAN SALAM

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ
وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَ أَوْصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala, dengan melaksanakan suruhan dan meninggalkan larangan-Nya, semoga kita dikurniakan taufik dan hidayah-Nya di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Sudah menjadi kelaziman dalam kalangan masyarakat kita bertemu akan mengucapkan salam. Memberi salam hukumnya adalah sunat manakala menjawabnya pula adalah wajib. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Nisa' ayat 86:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِذَا حُيِّئْتُمْ بِهِ بِحَيْثُ فَحْيُوا بِأَحْسَنَ مِنْهَا أَوْ رُدُّوهَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ حَسِيبًا ﴿٨٦﴾

Yang bermaksud: “Apabila kamu diberi penghormatan dengan sesuatu ucapan hormat (seperti memberi salam), maka balaslah penghormatan itu dengan yang

lebih baik daripadanya atau balaslah dia (dengan cara yang sama). Sesungguhnya Allah sentiasa menghitung tiap-tiap sesuatu.

Lafaz “al-salam” adalah salah satu daripada nama-nama Allah Subhanahu wa-Taala. Apabila kita memberi salam, bermakna kita mendoakan sesama kita dengan maksud semoga Allah Subhanahu wa-Taala menyelamatkan kita daripada sebarang kemudharatan seperti penyakit, kejahatan dan keburukan manusia, juga selamat daripada azab api neraka.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda dalam hadis yang di riwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud: *“Kamu semua tidak akan dapat memasuki syurga sehinggalah kamu benar-benar beriman, dan tidak sempurna iman kamu sehingga kamu berkasih sayang. Mahukah aku ajarkan kepada kamu semua amalan yang akan mengeratkan kasih sayang? Iaitu sebarkanlah salam dalam kalangan kamu.*

Begitulah hebatnya amalan memberi salam sehingga menjadi faktor penting untuk mendapat ganjaran memasuki syurga. Bahkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga mengajar umat Baginda agar mengucapkan salam ke atas diri masing-masing dan semua hamba Allah Subhanahu wa-Taala yang soleh pada setiap kali kita membaca tahiyat dalam solat dengan lafaz “assalamualaina wa ala ibadillahis solihin”.

Demikian juga indahnyanya apabila ucapan salam ini selalu dilafazkan kepada isteri, suami, anak-anak, kaum keluarga, rakan sepejabat, sahabat handai, jiran tetangga, ahli jemaah di masjid atau surau dan setiap saudara Islam yang ditemui sama ada yang dikenali atau sebaliknya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala ,

Mengucap salam kepada sesama umat Islam, boleh dilakukan di mana-mana, seperti yang pernah berlaku pada suatu hari kepada Sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bernama Tufail bin Ubai bin Ka’ab telah mengekori sahabatnya Abdullah bin Umar berjalan ke pasar. Beliau mendapati Abdullah memberi salam kepada setiap orang yang dijumpainya sepanjang berada di pasar tersebut. Kemudian Abdullah pulang tanpa membeli sesuatu atau melakukan sebarang urusan. Lalu Tufail bertanya kepada Abdullah, “Kenapa tuan pergi ke pasar, tetapi tidak membeli sesuatu atau melakukan urusan?”

Abdullah menjawab: “*Aku pergi ke pasar untuk memberi salam kepada orang Islam yang aku temui di sana.*”

Begitulah kesungguhan generasi Sahabat pada ketika itu yang telah dididik oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam melaksanakan amal soleh yang dianjurkan seperti Abdullah Bin Umar yang sangat mengerti bahawa memberi dan menjawab salam adalah satu ibadah. Peristiwa ini menjadi dalil bahawa kita sangat digalakkan memberi salam dan menjawabnya kepada setiap orang yang dijumpai sama ada mengenalinya atau tidak, dengan syarat tidak menimbulkan fitnah.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala .

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam kehidupan seharian sentiasa mendahului para Sahabat memberi salam termasuk kepada kanak-kanak yang sedang bermain-main. Baginda Sallallahu Alaihi Wasalla juga telah menegaskan bahawa orang yang lebih utama di sisi Allah Subhanahu wa-Taala ialah mereka yang memulakan salam.

Oleh itu marilah kita bersama-sama menghidupkan sunah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ini. Sebarkanlah kasih sayang melalui salam. Mulakanlah dengan menghadihkan kepada insan-insan yang kita sayangi, apabila kita saling memberi dan menjawab salam. Ini bermakna kita saling mendoakan kesejahteraan antara satu sama lain.

Usah ditunggu orang sekeliling untuk memulakan salam, bahkan kitalah yang sepatutnya terlebih dahulu memberikan salam, kerana itulah yang diamalkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Jika benar-benar cinta kepada Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam, kita akan pasti bersungguh-sungguh untuk membuat apa-apa yang disukainya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

فَإِذَا دَخَلْتُمْ بُيُوتًا فَسَلِّمُوا عَلَى أَنْفُسِكُمْ تَحِيَّةً مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ مُبْرَكَةٌ طَيِّبَةٌ

كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٦١﴾

Yang bermaksud: “Maka apabila kamu masuk ke mana-mana rumah, hendaklah kamu memberi salam kepada (sesiapa Yang seperti) kamu Dengan memohon kepada Allah cara hidup Yang berkat lagi baik. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat (yang menjelaskan hukum-hukumNya), supaya kamu memahaminya”.

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَتَفَعَّلِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ فَيَا فَوْزَ
الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِيْنَ